

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BIL. 1 Tahun 2001

=====

**Penyeragaman Surat Jawapan Penolakan Permohonan
Pemberimilikan Tanah dan Tukar Syarat Tanah**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai penggunaan surat jawapan yang seragam bagi jawapan penolakan kepada pemohon berkaitan permohonan pemberimilikan dan tukar syarat tanah.

2 YAB. Dato' Menteri Besar dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Perumahan bilangan 2 tahun 2001 pada 17 Julai 2001 telah mengarahkan supaya surat penolakan permohonan tukar syarat tanah diberikan sebab-sebab permohonan ditolak. Manakala surat penolakan permohonan pemberimilikan dijawab dengan cara yang terbaik iaitu setelah permohonan tersebut ditimbang dengan teliti dan sedalam-dalamnya. Ini bagi membuktikan Pihak Berkuasa Negeri adalah telus dan tepat di dalam membuat keputusan supaya pemohon berpuashati dengan keputusan yang dibuat.

3. Di dalam memastikan keseragaman surat jawapan kepada pemohon, contoh surat penolakan permohonan pemberimilikan tanah dan tukar syarat tanah adalah seperti di lampiran A dan B untuk digunapakai di semua Pejabat Tanah Daerah..

4. Arahan ini adalah **berkuatkuasa serta merta** mengikut tarikh arahan ini dikeluarkan.

5. Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan oleh YAB. Dato' Menteri Besar.

T.T.
(Dato' Asaha @ Ishak Abong)
Pengarah Tanah Dan Galian,
Selangor.

Fail : (2)dIm.PTGS/CR 02/00/2000

Tarikh : 30 Julai 2001

Rujukan:

Tarikh:

...(Nama Pemohon)....

.....
.....

Tuan,

Permohonan Pemberimilikan Tanah Bagi _____
Di Mukim _____ Daerah _____

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri setelah meneliti dan menimbang sedalam-dalamnya permohonan ini telah membuat keputusan muktamad untuk terpaksa menolak permohonan tuan.

Terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

()
Pentadbir Tanah,

.....

Rujukan:

Tarikh:

...(Nama Pemohona)....

.....
.....

Tuan/ Puan,

Permohonan Tukar Syarat Tanah Di Atas Hakmilik _____
Mukim _____ Daerah _____
Daripada _____ Kepada _____

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri yang bersidang pada Telah meneliti dan membuat keputusan menolak permohonan tuan atas alasan berikut:-

(a) Tapak yang dipohon terletak di dalam zon:-

- Kediaman
- Perniagaan
- Industri
- Pertanian
- Perlancongan
- Penampan
- Risiko fataliti
- Lain-lain: Nyatakan.....

(b) Pembangunan yang dipohon tidak sesuai kerana di sekeliling telah dibangunkan:-

- Industri
- Kediaman
- Perniagaan
- Lain-lain: Nyatakan.....

(c) Pembangunan dikehendaki dibuat secara bersepadu dengan lot-lot sekeliling.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

()
Pentadbir Tanah,
.....